



LEADING
CHANGE **DRIVING**
EXCELLENCE

SAYA PENIAGA BIJAK CUKAI

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

MANFAAT CUKAI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

KE MANA HASIL CUKAI DIBELANJAKAN



PENDIDIKAN



KESIHATAN



KEBAJIKAN



INFRASTRUKTUR
& KEMUDAHAN AWAM



PERTANIAN &
INDUSTRI



PEMBANGUNAN



PERTAHANAN &
KESELAMATAN NEGARA



SUBSIDI

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

ISI KANDUNGAN

**5 SALAH FAHAM
PENIAGA ENTERPRISE
TENTANG CUKAI**

1

2

APA ITU CUKAI PERNIAGAAN

**TIPS MENJADI PENIAGA
BIJAK CUKAI**

3

4

TANGGUNGJAWAB PENIAGA

**KEPENTINGAN
PENYIMPANAN REKOD
PERNIAGAAN**

5

6

**CONTOH RINGKAS
REKOD PERNIAGAAN**

**PELEPASAN CUKAI
TAHUN TAKSIRAN 2021**

7

8

**BAYARAN CUKAI
PENDAPATAN**

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



*Ini 5 **SALAH FAHAM**
Pemilik Perniagaan
Enterprise Tentang
Cukai*

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

1: Perniagaan rugi? Tak Payahlah Hantar Borang Cukai!

INI TANGGAPAN SALAH.. Rugi dalam perniagaan adalah perkara biasa. Kena sentiasa ingat perniagaan kita tak kira untung atau rugi anda tetap kena hantar borang (Borang B).

Malahan kalau perniagaan rugi, lagi la kena hantar. Rugi kalau tak hantar sebab rugi tahun ini boleh ditolak dengan untung masa hadapan.



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

- # 2. Saya Berniaga Online Jerr... Tak Payah Daftar SSM & LHDN
- Perniagaan online atau offline, ia tetap sejenis perniagaan. Semua perniagaan perlu berdaftar. Dropship pun sama. Kalau dah dropship tu dapat tempahan 6-7 ribu stok tu dah memang confirm ada pendapatan lumayan jadi kenalah berdaftar dengan LHDNM sebagai pembayar cukai...



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

3. Bila Daftar Dengan LHDN Mesti Nanti Kena Bayar Cukailah Tu...

Selepas berdaftar di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), kita bertanggungjawab melaporkan pendapatan perniagaan, lapor je dulu.. belum tentu lagi kita kena bayar cukai.

Pengiraan cukai tak sama macam penyata untung rugi kita. Kalau perniagaan rugi, kita tak perlu bayar cukai. Malahan rugi tersebut boleh dibawa ke tahun hadapan untuk ditolak dari untung tahun depan. Hah siapa kata daftar je kena bayar cukai..tak betul tanggapan ni..



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

4. Bayar Zakat Banyak-banyak jadi, Tak Perlu Susah Hantar Borang Cukai..

Memang ramai peniaga terutamanya yang beragama Islam lebih sanggup bayar zakat yang banyak dari bayar Cukai. Tapi Cukai dengan zakat tak sama tau.. Ha.. tau tak ni? Zakat wajib untuk umat Islam, tapi Cukai adalah undang-undang dalam negara.

Zakat perniagaan boleh mengurangkan pembayaran cukai, namun anda masih perlu hantar borang taksiran dulu. Kalau tak hantar borang cukai anda boleh dikenakan tindakan undang-undang. Tak kira anda bayar zakat banyak mana pun...kan siapa yang rugi..



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

5. Semua Belanja Pemilik Perniagaan Boleh Tuntut..jom tuntutan..

Amboi..mana boleh macam tu.. Habis segala perbelanjaan nak 'claim' sebagai belanja perniagaan. Beli susu anak, pampers pun nak masuk dalam akaun perniagaan. Ubah suai rumah pun nak masuk akaun perniagaan.

Ingat...Tak semua perbelanjaan boleh dituntut sebagai belanja yang layak untuk perniagaan. Hanya yang berkaitan secara langsung dalam perniagaan sahaja. Selain daripada itu tidak dibenarkan. So kena asingkan mana belanja perniagaan dan peribadi ye..

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



LEADING
CHANGE **DRIVING**
EXCELLENCE

APA ITU CUKAI PERNIAGAAN

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



Dikenakan kepada mereka yang menjalankan perniagaan sama ada secara milikan tunggal atau perkongsian

Contohnya ialah:

- i. Perniagaan runcit
- ii. Perniagaan jualan langsung
- iii. Perniagaan gerai
- iv. Pertanian dan penternakan
- v. Perniagaan melalui internet (*online business*)
- vi. Bidang penulisan
- vii. Bidang lakonan, nyanyian atau duta produk
- viii. Klinik, firma guaman atau lain-lain perkhidmatan professional
- ix. Komisen

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

Bagi perniagaan secara perkongsian, ia meliputi sebarang bentuk kerjasama antara dua atau lebih pihak bagi menyatukan hak, kuasa, tenaga kerja atau kemahiran dalam menjalankan perniagaan dan mewujudkan perkongsian keuntungan.

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

*Jom
bayar
cukai!*



Tip-tip Menjadi Pembayar Cukai Yang Bijak!

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



“Ramai peniaga kecil beranggapan mereka tidak layak memiliki hartanah kerana tiada rekod kewangan yang baik..betul ke??”

“Tak Betul tu..anda perlu buka akaun semasa perniagaan dan laporkan pendapatan kepada LHDNM dan bayar cukai sewajarnya.. Cukup 2 tahun anda dah layak berjumpa dengan pegawai bank untuk pinjaman perumahan. Cubalah!”

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 1: DAFTAR PERNIAGAAN ANDA SECARA ONLINE MELALUI e-Daftar



MyTax [ezHasil Services](#) [e-Janji Temu](#) [Customer Feedback](#) [User Manual](#) Light BM

e-Daftar

Registration of Tax Identification Number (TIN) of Inland Revenue Board of Malaysia

Type of Taxpayer

Please enter email and phone number or mobile phone number registered with IRBM to display your Tax Identification Number (TIN).

Email

Phone Number

Mobile Phone Number

Security Phrase 

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 2 : DAPATKAN NO PIN e-FILING TUJUAN PELAPORAN PENDAPATAN



e-KYC



e-CP55D



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN NOMBOR PIN e-FILING INDIVIDU
APPLICATION FORM FOR INDIVIDUAL e-FILING PIN NUMBER

1 No. Pengenal
Identification No
(Kad Pengenal Baru /
Police / Tentara / Pasport)
New IC / Police / Army /
Pasport

2 Nama
Name

3 No. telefon
Telephone Number

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 3 : SEDIAKAN PENYATA KEWANGAN DENGAN TERATUR DAN LENGKAP


Setiap Peniaga harus sediakan:

- 1. Penyata Untung Rugi Perniagaan*
- 2. Penyata Kunci Kira-kira*
- 3. Penyata Aliran Tunai*
- 4. Penyata Aset Tetap*

Bagi peniaga kecil macam mana??

*Mereka perlu memiliki buku rekod
“debit-kredit” bagi memudahkan
transaksi direkodkan.*

*Mudah bukan untuk rekod transaksi
perniagaan?*



KEMAS KINI PADA 01/04/2023


JENIS BORANG NYATA YANG BOLEH DIHANTAR MELALUI E-FILING

e-BE	Individu Pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan.
e-B	Individu Pemastautin yang menjalankan perniagaan
e-M	Individu Bukan Pemastautin
e-BT	Individu Pemastautin (Pekerja berpengetahuan/ berkepakaran)
e-MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja berpengetahuan)
e-E	Penyata Majikan
e-P	Borang Nyata Perkongsian
e-TF	Borang Nyata Pertubuhan
e-TP	Borang Nyata Pusaka
e-C	Borang Nyata Syarikat
e-C1	Borang Nyata Koperasi

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 4 : MELAPORKAN PENDAPATAN PERNIAGAAN MELALUI e-FILING (BORANG B)

Pilih e-Borang mengikut
sumber pendapatan anda
contohnya:
e-B (punca pendapatan
perniagaan)



MyTax

Welcome to MyTax [redacted]
Nombor Pengenalan Cukai (TIN) : [redacted]
LHDNM : WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Kembali

e-Borang Status e-Borang

Individu Pemastautin

e-BE	Tahun Taksiran ▾
Tiada Punca Pendapatan Perniagaan	
e-B	Tahun Taksiran ▾
Ada Punca Pendapatan Perniagaan	
e-BT	Tahun Taksiran ▾
Pekerja Berpengetahuan atau Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama atau Pekerja Berkepakaran (Program Kepulangan Pakar) yang telah diluluskan oleh Menteri - rujuk P.U (A) 344/2010 atau P.U (A) 151/2012 di Portal Rasmi LHDNM	

Pilih Tahun
Taksiran

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 5 : KETAHUI JENIS PERBELANJAAN YANG BOLEH DITUNTUT DAN TIDAK BOLEH DITUNTUT DALAM PERNIAGAAN

a) Perbelanjaan yang boleh dituntut!

Maksud “boleh dituntut”, adalah merujuk kepada perbelanjaan perniagaan mana yang boleh ditolak dan dibenarkan tolak dari pendapatan kasar perniagaan

Contoh– contoh perbelanjaan yang boleh tuntutan:

1. Bayaran gaji
2. Pembayaran KWSP pekerja
3. Sewa premis perniagaan
4. Pembayaran faedah
5. Pinjaman perniagaan
6. Kos pembaikan premis perniagaan
7. Kos membaiki kenderaan perniagaan

SEKSYEN 33(1)
ACP 1967



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 5 : KETAHUI JENIS PERBELANJAAN YANG BOLEH DITUNTUT DAN TIDAK BOLEH DITUNTUT DALAM PERNIAGAAN

b) Elaun Modal juga boleh dituntut sebagai perbelanjaan!

- ELAUN MODAL juga dibenarkan tolakan daripada pendapatan perniagaan sebagai ganti kepada perbelanjaan susutnilai bagi pembelian aset yang digunakan di dalam perniagaan
- Contoh aset yang digunakan di dalam perniagaan ialah kereta, mesin, alat pejabat, perabot dan computer
- *Syarat yang melayakkan tuntutan elaun modal ialah:*
 - i. *Menjalankan perniagaan*
 - ii. *Membeli aset perniagaan*
 - iii. *Aset digunakan di dalam perniagaan*
 - iv. *Tuan punya asset*



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 5 : KETAHUI JENIS PERBELANJAAN YANG BOLEH DITUNTUT DAN TIDAK BOLEH DITUNTUT DALAM PERNIAGAAN

c) Perbelanjaan yang tidak boleh dituntut!

Antaranya:

- i. Perbelanjaan domestik atau persendirian
- ii. Perbelanjaan tidak kesemuanya dan semata-mata dilakukan untuk tujuan menghasilkan pendapatan kasar perniagaan
- iii. Perbelanjaan permulaan perniagaan
- iv. Perbelanjaan modal
- v. Bayaran kepada kumpulan wang dan caruman tidak diluluskan
- vi. Sewa Kenderaan Bermotor
- vii. Keraian
- viii. Tambang percuma



**SEKSYEN 39
ACP 1967**



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TIP 6: MENYEDIAKAN TEMPLATE KAEDAH PENGIRAAN CUKAI

Syarikat ABC Sdn Bhd

Penyata Kewangan pada 31 Disember 20xx

Jualan RMXXX

(Tolak) Kos Jualan ----- > RMXXX

Untung Kasar ----- > RMXXX

(Tolak)

Perbelanjaan Pentadbiran ----- > RMXXX

Kos Staff ----- > RMXXX

Kos Kewangan ----- > RMXXX

Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Cukai ----- > RMXXX



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

ABC Enterprise

Penyata Pengiraan Cukai BagiTempoh 1 Januari 20xx Hingga 31 Disember 20xx

UNTUNG BERSIH TAHUN 20XX_____RMXXX

(-) Pendapatan lain-lain

(-) Perbelanjaan dibenarkan tolakan 2 kali

(+) Perbelanjaan tidak dibenarkan seksyen 39 ACP 1967

PENDAPATAN LARASAN_____RMXXX

(+) Kenaan Imbangan

(-) Elaun Modal

PENDAPATAN BERKANUN_____RMXXX

(+) Penggajian

(+) Dividen

(+) Sewa, Royalti, Premium

PENDAPATAN AGREGAT_____RMXXX

(-) Kerugian Tahun Semasa

Derma kepada badan yang diluluskan (terhad 10%)

JUMLAH PENDAPATAN_____RMXXX

(-) Pelepasan-pelepasan individu

PENDAPATAN BERCUKAI_____RMXXX

Pengiraan cukai mengikut kadar cukai individu_____RMXXX

(-) Zakat

JUMLAH CUKAI KENA DIBAYAR_____RMXXX



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

- Menyimpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama 7 tahun bagi tujuan semakan/ audit LHDNM
- Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara e-Filing setiap tahun. Untuk makluman, perniagaan milikan tunggal perlu melaporkan Borang e-B. Manakala, perniagaan perkongsian perlu mengemukakan 2 jenis borang iaitu Borang e-P untuk melaporkan keuntungan perniagaan perkongsiaan dan Borang e-B pula untuk melaporkan agihan pendapatan pekongsi.
- Melaporkan pendapatan jualan atau perkhidmatan yang diterima, belian dan perbelanjaan yang dibuat serta senarai aset, penghutang, dan pemiutang perniagaan.
- Membayar cukai anggaran perniagaan yang dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Notis Bayaran Ansuaran (CP500).
- Membayar cukai sebenar perniagaan (jika ada) selepas mengemukakan e-Filing.
- Memaklumkan kepada LHDNM secara bertulis sekiranya berlaku penamatan perniagaan atau berlaku pertukaran ahli kongsi perniagaan.

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



LEADING
CHANGE **DRIVING**
EXCELLENCE

PENTINGNYA SIMPAN REKOD PERNIAGAAN

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



- **Kepentingan penyimpanan rekod yang teratur adalah:**
 - a) **Memudahkan penyediaan penyata kewangan dan juga pelaporan cukai.**
 - b) **Memudahkan pengemukaan dokumen perniagaan sebagai bukti jika diminta oleh mana-mana pihak untuk tujuan audit atau siasatan.**
 - c) **Memantau prestasi perniagaan bagi setiap tahun.**
 - d) **Bahan rujukan bagi perancangan perniagaan akan datang.**
 - e) **Mengelakkan risiko kehilangan dan kerosakan dokumen.**

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



LEADING
CHANGE **DRIVING**
EXCELLENCE


CONTOH RINGKAS REKOD PERNIAGAAN

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



A) Untuk penyata untung rugi, kita perlu tahu mengenai duit masuk dan duit keluar. Duit masuk bermaksud jualan barang / perkhidmatan manakala duit keluar pula adalah belian stok, perbelanjaan perniagaan, gaji pekerja dan lain-lain.

B) Kunci kira-kira pula melibatkan aset, liabiliti dan ekuiti.



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

C) Dokumen / rekod bagi jualan barang atau perkhidmatan adalah:

1. Resit. Resit yang dikeluarkan hendaklah mempunyai nombor siri sekiranya perolehan kasar untuk setahun:

- i. melebihi RM150,000 daripada jualan barang dagangan; atau
- ii. melebihi RM100,000 daripada pemberian perkhidmatan.

2. Penyata Bank.


Dinasihatkan agar akaun persendirian dan perniagaan perlu diasingkan.

D) Dokumen / rekod bagi belian perniagaan pula adalah:

1. Stok. Pengiraan stok fizikal hendaklah dibuat bagi menentukan kuantiti dan kos stok dalam tangan pada akhir tahun perakaunan.

2. Resit-resit untuk perbelanjaan kecil yang dilakukan mungkin sukar diperolehi. Bagi kes-kes sedemikian, rekod mengenai maklumat berikut perlu disimpan:

- Tarikh perbelanjaan dilakukan
- Amaun yang dibayar
- Tujuan perbelanjaan dilakukan.




KEMAS KINI PADA 01/04/2023

E) Dokumen / rekod bagi aset perniagaan pula adalah:

1. Resit belian aset
2. Penyata pengiraan susut nilai aset
3. Pengiraan elaun modal

F) Dokumen / rekod bagi maklumat penghutang dan pemiutang adalah:

1. Invois
2. Perjanjian pinjaman



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

PELEPASAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2022

PELEPASAN INDIVIDU

 INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGungan RM9,000	 INDIVIDU KURANG UPAYA RM6,000	 SUAMI/ISTERI KURANG UPAYA RM5,000	 SUAMI/ISTERI/ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI RM4,000	YURAN PENGAJIAN (DIRI SENDIRI) RM7,000 - TERMASUK KURSUS UPSKILLING ATAU SELF-ENHANCEMENT DALAM APA-APA BIDANG KEMAHIRAN YANG DIKTIRAF OLEH KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (TERHAD RM2,000) 
--	--	---	---	--

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

PELEPASAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2022

GAYA HIDUP, PERUBATAN DAN PERALATAN BERKAITAN

PERBELANJAAN MELANCONG DALAM NEGARA

RM1,000

- PENGINAPAN DI PREMIS YANG BERDAFTAR
- BAYARAN MASUK KE PUSAT TARIKAN PELANCONGAN
- PEMBELIAN PAKAJ PELANCONGAN DOMESTIK MELALUI Ejen BERDAFTAR

GAYA HIDUP

RM2,500

- PEMBELIAN BAHAN BACAAN
- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET
- BAYARAN LANGGANAN INTERNET
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN & BAYARAN KEAHLIAN GIMNASIUM

PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN

RM1,000

- PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
- ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN DAN KE BAWAH
- TUNTUTAN DIBUAT SEKALI SETIAP 2 TAHUN

RAWATAN PERUBATAN, KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGAAN IBU BAPA

RM8,000

PERALATAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ ANAK/IBUBAPA OKU)

RM6,000

TAMBAHAN **RM2,500**

- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET

TAMBAHAN GAYA HIDUP **RM500** BERKAITAN AKTIVITI SUKAN

- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
- SEWAAN/FI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN
- FI PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT SERIUS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK) & PERBELANJAAN RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)

RM8,000

- TERMASUK RAWATAN PERUBATAN PENUH, UJIAN PENGESAHAN COVID-19, PEMVAKSINAN DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL ATAU KONSULTANSI (TERHAD RM1,000)

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

PELEPASAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2022




ANAK BERUMUR 18 TAHUN DAN KE BAWAH
RM2,000
- BELUM BERKAHWIN

PELEPASAN ANAK



YURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK/ TADIKA BERDAFTAR
RM3,000
- BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH
- DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI



ANAK KURANG UPAYA
RM6,000



ANAK BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS
RM2,000
- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR SEPENUH MASA




ANAK BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS
RM8,000
- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS DI MALAYSIA)



TAMBAHAN BAGI ANAK KURANG UPAYA
RM8,000
- BELUM BERKAHWIN
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

PELEPASAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2022

INSURANS NYAWA DAN KWSP		CARUMAN, SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN		SSPN (TABUNGAN BERSIH)	
* INDIVIDU PENJAWAT AWAM BERPENCEN	 RM7,000	 PERKESO ATAU SISTEM INSURANS PEKERJA	 INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN (INDIVIDU/PASANGAN/ANAK)	 RM8,000	
ATAU		RM350	RM3,000		
SELAIN PENJAWAT AWAM					
* INSURANS NYAWA/TAKAFUL	RM3,000	SKIM PERSARAAN DAN ANUITI TERTANGGUH			
		 RM3,000	BAYARAN PEMASANGAN/SEWAAN/PEMBELIAN PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK UNTUK KEGUNAAN SENDIRI		
* KWSP/SKIM YANG DILULUSKAN	RM4,000		- TERMASUK SEWA BELI		
			- LANGGANAN		
			 RM2,500		
					KEMASKINI SEHINGGA 15 FEBRUARI 2023


KEMAS KINI PADA 01/04/2023

KADAR CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2022

Banjaran Pendapatan Cukai	Pengiraan (RM)	Kadar (%)	Cukai (RM)
0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
5,001 – 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
20,001 – 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
35,001 – 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	8	600 1,200
50,001 – 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	13	1,800 2,600
70,001 – 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	21	4,400 6,300
100,001 – 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24	10,700 36,000
250,001 – 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	46,700 36,750
400,001 – 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	25	83,450 50,000
600,001 – 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	26	133,450 104,000
1,000,001 – 2,000,000	1,000,000 pertama 1,000,000 berikutnya	28	237,450 280,000
Melebihi 2,000,000	2,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	30	517,450

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

BAYARAN CUKAI



Klik **ByrHASIL** di www.hasil.gov.my untuk bayaran melalui perbankan internet dengan bank-bank ahli FPX berikut:



BAYARAN MELALUI KAD KREDIT:



BAYARAN MELALUI PERBANKAN TELEFON MUDAH ALIH



KEMAS KINI PADA 01/04/2023

PEMAKLUMAN

MULAI 1 JANUARI 2021

TIADA LAGI PENERIMAAN BAYARAN CUKAI MELALUI POS DAN KURIER*

BAYARAN YANG DITERIMA AKAN DIPULANGKAN (DIANGGAP TIADA PENERIMAAN)
DAN BOLEH DIKENAKAN DENDA LEWAT BAYAR

SILA GUNAKAN SALURAN BAYARAN ALTERNATIF:

- BYRHASIL
- PORTAL PERBANKAN INTERNET
- KAUNTER BANK
- MESIN DEPOSIT TUNAI/CEK
- MESIN JURUWANG AUTOMATIK (ATM)

*KECUALI BAYARAN SEKSYEN 21B CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT),
CUKAI PENDAPATAN PENGHIBUR AWAM, CUKAI PEGANGAN DAN KOMPAUN



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



LEADING
CHANGE **DRIVING**
EXCELLENCE

**INGIN KELUAR NEGARA??
PASTIKAN
ANDA
MEMBUAT
SEMAKAN
<http://sspi.imi.gov.my>**

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



JANGAN JADI MANGSA SINDIKET PENIPUAN

**JANGAN
DEDAHKAN
MAKLUMAT
PERCUKAIAN
ANDA**

WASPADA DENGAN SCAMMERS

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA

- LHDNM **TIDAK** MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT
- LHDNM **TIDAK** AKAN MENYAMBUNGAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN
- LHDNM **TIDAK** MEMBERI NO. AKAUN UNTUK BAYARAN ATAU MEMINTA NO. AKAUN UNTUK BAYARAN BALIK



 www.hasil.gov.my  facebook.com/LHDNM  [@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)  03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

LEWAT/ GAGAL HANTAR BORANG

PENALTI akan **DIKENAKAN** bergantung kepada :

Tempoh selepas tarikh yang ditetapkan/lanjutan masa yang dibenarkan

PENALTI akan **DIKIRA**:

Dikira atas jumlah cukai dikenakan

Sehingga 12
bulan

15%

Melebihi 12 bulan
hingga 24 bulan

30%

Melebihi 24 bulan

45%

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

LEWAT / GAGAL BAYAR

KENAIKAN akan **DIKENAKAN** bergantung kepada tempoh selepas tarikh yang ditetapkan/lanjutan masa yang dibenarkan:

10% kenaikan daripada cukai yang kena bayar

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI PENDAPATAN

Sumber Pendapatan

PERNIAGAAN

SELAIN PERNIAGAAN

Tarikh Akhir Bayaran

30 Jun

30 April

(a) **10%** x Cukai yang tidak dibayar = **RMX**

KEMAS KINI PADA 01/04/2023



SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI HASIL

Kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat memberikan pandangan dan maklum balas terhadap pelaksanaan program agar kualiti program dapat dipertingkatkan selari dengan visi dan misi LHDNM.

Terima kasih.

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Imbas Kod QR ini untuk maklum balas anda



Jika anda menghadapi masalah berkenaan **e-Filing**, sila:

Hubungi talian utama:

03-8911 1000 (HASIL CARE LINE)

03-8751 1000 (HASIL RECOVERY CALL CENTRE)

Hadir ke Cawangan LHDNM yang berhampiran

KEMAS KINI PADA 01/04/2023

TERIMA KASIH



/LHDNM



/LHDNOfficial



/LHDNM



www.hasil.gov.my



03-8911 1000

Hasil Care Line



03-8751 1000

Hasil Recovery Call
Centre



MyTax

Web Responsif &
Aplikasi Mobile

**Gerbang Informasi
Percukaian**

Single Sign-On
Untuk Semua
Perkhidmatan

Dashboard Ringkas
& Padat

**Pusat Untuk
Semua e-Perkhidmatan LHDNM**



KEMAS KINI PADA 01/04/2023